

13/05/2002

Telekom umum pelanggan sewa RM13 hari ini

Maizura Ismail

KUALA LUMPUR, Ahad - Telekom Malaysia Berhad (Telekom Malaysia) akan mengumumkan esok, jumlah pelanggannya terutama penduduk luar bandar yang akan menikmati kadar baru sewa bulanan RM13 bagi talian tetap dan kadar panggilan telefon awam lebih rendah ditawarkan melalui pakej Nilai Mesra.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho berkata, pakej yang diumumkan dalam notis Telekom Malaysia pada 11 Mei lalu dan akan berkuat kuasa 1 Jun itu bertujuan memudahkan penduduk luar bandar yang sering mengadu tidak mampu melanggan perkhidmatan itu.

Katanya, perbincangan berkaitan kemudahan yang diberikan dalam pakej itu adalah sebagai tindak balas kepada permintaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 3 April lalu supaya Telekom Malaysia menurunkan kadar tarifnya supaya lebih banyak rakyat boleh menggunakan kemudahan telekomunikasi untuk capaian maklumat.

"Tawaran sewa talian tetap pada kadar lebih murah itu bertujuan membolehkan lebih ramai menggunakan perkhidmatan itu bagi meningkatkan komunikasi, mendapatkan maklumat terkini dan dapat mengubah cara hidup masing-masing," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Kelmarin, Telekom Malaysia mengumumkan pakej istimewa yang menawarkan penurunan sewa bulanan sebanyak RM10 kepada pelanggan yang taliannya dihubungkan kepada 110 ibu sawat yang memberi perkhidmatan kepada kurang dari 1,000 talian, kebanyakannya di kawasan luar bandar.

Selain itu, pakej yang bertujuan memudahkan akses yang lebih luas kepada perkhidmatan terutama penduduk luar bandar itu turut menawarkan elaun RM3 kepada pelanggan kediaman yang membuat panggilan tempatan lebih 80 peratus daripada keseluruhan panggilan.

Kadar bayaran panggilan dari kira-kira 35 peratus atau 26,250 telefon awam di kawasan luar bandar seluruh negara turut diturunkan semula kepada 10 sen untuk setiap tiga minit seperti sebelum kaji semula tarif yang berkuat kuasa 1 Mac lalu berbanding 10 sen setiap dua minit sekarang.

Sementara itu, Timbalan Presiden Persatuan Orang Asli Semenanjung, Arif Embing, berkata penawaran pakej NilaiMesra kepada penduduk luar bandar dijangka akan meningkatkan jumlah penduduk Orang Asli di Semenanjung yang mempunyai capaian Internet kepada dua kali ganda, sekali gus mengecilkan jurang digital antara mereka dengan penduduk bandar.

"Sekiranya kadar bayaran panggilan dan Internet turut dikurangkan selain sewa bulanan seperti yang dilaksanakan, dijangka pelanggan talian tetap akan meningkat sehingga 60 peratus penduduk kawasan berkenaan.

"Kadar bayaran panggilan dan sewa memang patut lebih rendah bagi kawasan luar bandar kerana penduduknya mempunyai pendapatan yang rata-rata lebih rendah berbanding penduduk bandar," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

(END)